

PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA ZAMAN BRITISH¹

Oleh

Datin Dr. Hajah Saadiah DDW Hj Tamit

Akedemi Pengajian Brunei

Universiti Brunei Darussalam

Bermulanya agama Islam itu sebagai agama rasmi bagi raja dan rakyat dengan pengislaman awang Alak Betatar yang dikenali dengan nama Sultan Muhammad Shah iaitu Sultan Brunei yang pertama. Hukum Kanun Brunei telah dijadikan dasar dan panduan dalam pentadbiran negara dan agama. Sultan selaku ketua agama dan para ulama menjadi penasihat dalam kedua-dua bidang tersebut. Kedatangan British ke Brunei dan penerimaan sistem residen telah membawa perubahan sama ada dari segi pentadbiran mahupun dari segi undang-undang. Undang-undang Islam telah dibentuk semula mengikut fikiran, fahaman dan pandangan orang British. Bidang kuasa undang-undang terhad dalam ruang lingkup yang sempit dan kandungannya terbatas dalam hal-hal undang-undang keluarga sahaja. Kertas kerja ini melihat perubahan-perubahan yang berlaku terhadap pentadbiran Undang-undang Islam setelah kedatangan British ke Brunei yang membawa wujudnya dualisma undang-undang.

1. PENDAHULUAN

Dalam abad ke 15 dan ke 16 Masehi perkembangan agama Islam sangat pesat di Asia Tenggara termasuklah negeri Brunei. Agama Islam telah merubah fahaman, keadaan kehidupan rakyat dan corak pentadbiran pemerintahan raja-raja Brunei yang mana sebelumnya mereka dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha. Sebagai bukti jelas wujudnya pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang Islam di Brunei. Terdapat undang-undang Islam yang bertulis dan dikanunkan seperti Hukum Kanun Brunei.² Sultan-sultan Brunei telah melaksanakan undang-undang Islam secara berperingkat sehinggalah undang-undang Islam menjadi undang-undang dasar Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun kedatangan British ke Brunei dan penerimaan sistem residen tahun 1906 telah membawa perubahan kepada pentadbiran negara dan undang-undang.

2. UNDANG-UNDANG ISLAM SEBELUM KEDATANGAN BRITISH

Undang-undang yang terpakai sebelum kedatangan British ke Negara Brunei Darussalam dan sebelum undang-undang dan sistem kehakiman mereka diterima Brunei telah pun mempunyai

¹ Kertas kerja ini disampaikan dalam Seminar Sejarah Brunei III Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei darussalam ke 22 Tahun 2006, pada 8-9hb March 2006M/ 8-9 Safar 1427H bertempat di Dewan Persidangan 2, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Brunei.

² Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, Pentadbiran Undang-Undang Islam di Brunei, *Kertas Kerja*, Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam, IKIM, 23-24 hb. July 1996, hlm. 2.

undang-undang dan sistem kehakiman yang berwibawa dan berdaulat.³ Undang-undang yang dilaksanakan pada waktu itu ialah adat (adat istiadat dan Resam), syarak dan Hukum Kanun.

Undang-undang adat sama ada dipengaruhi oleh ajaran Islam atau tidak, telah menjadi pegangan hidup masyarakat sebelum kedatangan British ke alam Melayu termasuk Brunei. Apabila orang Melayu menganuti agama Islam, maka undang-undang Islam telah diterima dan adat Melayu mula diubahsuaikan supaya tidak bertentangan dengan undang-undang Islam.

Sungguhpun adat tidak menjadi suatu sumber undang-undang Islam, akan tetapi Islam membolehkan adat diterima dan diikuti oleh penganut-penganut agama Islam, selagi adat itu tidak bercanggah dengan undang-undang Islam. Mana-mana adat yang dianggap baik, bermanfa'at dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam boleh diterima dan dijadikan amalan oleh orang-orang Islam.⁴

Di Negara Brunei Darussalam adat yang menjadi rujukan kepada masyarakat ialah Adat Istiadat dan Resam. Misalnya Adat Istiadat Diraja Brunei,⁵ di antaranya mengandungi beberapa perkara seperti sultan, panggilan nama kehormatan, susunan dan adat istiadat pembesar-pembesar negara, adat Perpustakaan, adat menggelar, ciri, susunan duduk dan adat dalam Majlis Diraja, alat-alat dan perhiasan-perhiasan kebesaran diraja dan peraturan menyembah kehormatan.

Orang yang bertanggungjawab mengenai adat istiadat, Resam dan Kanun ialah Pengiran Pemancha (Wazir) dibantu oleh Pengiran Peduka Tuan (Cheteria Empat) serta Pengiran Siraja Muda (Cheteria Lapan), serta dibantu oleh Pehin Jawatan Dalam dan Pehin Jawatan Luar (kedua-duanya Menteri Empat).⁶

Zaman pemerintahan Sultan Abdul Kahar⁷ ibni Sultan Bolkia, baginda telah menguatkan undang-undang adat yang dinamakan Undang-Undang Resam.⁸ Sungguhpun sultan-sultan yang terdahulu telah mengamalkan Hukum Kanun tetapi baginda berpendapat

³ Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 71.

⁴ Ahmad Ibrahim & Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, *Ke arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 1.

⁵ P.M Yusof, *Adat Istiadat Di-Raja Brunei (Darussalam)*, tanpa penerbit, Mac 1958. Lihat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1998, hlm. 12.

⁶ *Ibid.*, hlm. 5.

⁷ Sultan Brunei yang ke 6. Memerintah di sekitar tahun 1524-1530 Masehi. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, hlm. 33.

⁸ Yura Halim dan Jamil Umar, *Sejarah Brunei*, Percetakan Brunei, Brunei, 1958, hlm. 46.

penggunaan Undang-Undang Resam bersama dengan Hukum Kanun lebih mendatangkan kebaikan kepada rakyat. Kerana bidang kuasa Hukum Kanun itu tidak melihat kepada sesuatu keadaan.⁹ Suatu kesalahan yang didapati sabit akan dikenakan hukuman yang tertentu menurut peruntukan dalam Hukum Kanun Brunei. Tetapi jikalau sesuatu hukuman itu telah dijatuhkan kemudian ada permuafakatan umpamanya pembesar-pembesar negara merayu kepada sultan, supaya hukuman itu diringkankan atau dibatalkan.

Sebagai contoh kes **Pengiran Seri Laila**¹⁰ lwn. **Pengiran Bendahara Sakam**.¹¹ Dalam kes ini, Pengiran Bendahara Sakam telah merampas pengantin perempuan¹² dari suaminya¹³ ketika berlangsungnya majlis persandingan. Di dalam Mahkamah, Pengiran Seri Laila menuduh perbuatan Pengiran Bendahara Sakam melanggar hak kehormatan manusia, tidak menghormati undang-undang negara, adat istiadat dan menghilangkan kehormatan pembesar-pembesar negara. Pengiran Bendahara Sakam dalam pembelaannya mengaku salah tetapi perbuatan itu bertujuan untuk memberi perangsang kepada perwira-perwira negara supaya berani mempertahankan hak masing-masing. Mahkamah mendapati Pengiran Bendahara Sakam bersalah dan dihukum mengikut hukuman yang tersebut di dalam Hukum Kanun Brunei. Rayuan telah dihadapkan, Sultan Saiful Rijal¹⁴ telah memberi pengampunan dan kebebasan kepada Pengiran Bendahara Sakam berdasarkan Undang-Undang Resam.¹⁵

Sementara pemakaian dan pelaksanaan hukum syarak lebih menonjol di zaman pemerintahan Sultan Syarif Ali.¹⁶ Ketika Sultan Syarif Ali¹⁷ ditabalkan menjadi raja, baginda

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Berlaku dalam tahun 1575 Masihi. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1973, hlm. 14-15. Lihat juga Yura Halim dan Jamil Umar, *Sejarah Brunei*, hlm.50-53.

¹¹ Anakada kepada sultan Abdul Kahar dengan isteri baginda seorang puteri Raja Bajau, Sabah. Beliau bergelar Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuaru. Pengiran Bendahara Sakam adalah seorang yang gagah berani, cekal hati serta sangat bijak dalam hal muslihat ilmu peperangan sehingga tidak ada tandingannya. Untuk mengenang jasa beliau menyelamatkan Brunei dari dikuasai oleh Sapenyol dalam Perang Kastila tahun 1580 masehi, Sultan Saiful Rijal memberikan gelaran Raja Bendahara iaitu gelaran khas diberikan kepada bakal sultan.

¹² Pengantin perempuan anak kepada Pengiran Seri Ratna.

¹³ Pengantin lelaki anak kepada Pengiran Seri Laila.

¹⁴ Sultan Brunei ke 7. Memerintah di sekitar 1533-1581 Masehi. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, hlm. 33.

¹⁵ Mengikut peruntukan Undang-Undang Resam seseorang yang sangat berjasa, ikhlas hati dan berguna kepada negara, jika ia terlanjur membuat kesalahan, kalau ia dihukum, boleh diampunkan jika rakyat memohonkan ampun baginya, kerana suatu undang-undang itu diperbuat oleh raja dengan persetujuan rakyat. Jika rakyat sudah mempersetujuinya ini bererti hukuman boleh dibatalkan kerana raja memang sedia ada kuasa pengampunan. Lihat Yura Halim dan Jamil Umar, *Sejarah Brunei*, hlm 53.

¹⁶ Siti Zaliha Haji Abu Salim, Perkembangan Undang-Undang Di Brunei Sebelum Bermulanya Sistem Pemerintahan Beresiden, *Jurnal Beriga*, April-Jun 1995, Bil. 47, hlm. 65.

¹⁷ Sultan Brunei yang ke 3. Memerintah di sekitar tahun 1425-1432. Baginda berasal dari keturunan Sayidina Hasan, cucu kepada Nabi Muhammad. s.a.w. Lihat P.L Amin Sweeney, *Silsilah Raja-Raja Berunai*,

mula mengatur pentadbiran undang-undang mengikut peraturan hukum syarak.¹⁸ Pemakaian hukum syarak sebagai pegangan dan undang-undang dilaksanakan secara beransur-ansur. Sultan Syarif Ali di awal pemerintahannya berusaha mengukuhkan ajaran agama Islam dan baginda juga membina masjid. Dalam Silsilah Raja-Raja Berunai menyebutkan seperti berikut ;

“ ... Maka Sharif Ali itulah kerajaan, dinamakan akan dia Paduka Seri Sultan Berkat dan ialah mengeraskan shari'at Rasul Allah s.a.w dan berbuat masjid.”¹⁹

Dalam tahun 1871 Masehi²⁰ W.H Treacher, Pemangku Konsul General British dalam lawatan sulungnya ke Brunei dengan menggunakan kapal perang angkatan laut British telah mencatatkan bahawa undang-undang Brunei pada waktu itu ialah undang-undang yang berasal dari al-Qur'an.²¹ Undang-undang yang dimaksudkan itu ialah beberapa peruntukan hukum syarak yang terdapat di dalam Hukum Kanun Brunei. Hukum Kanun Brunei dan Undang-Undang serta Adat Brunei Lama (Old Brunei Law and Custom) merupakan dua naskhah undang-undang Islam bertulis dan dikanunkan. Kedua-duanya menjadi bukti berlakunya pelaksanaan undang-undang Islam di Brunei Darussalam.²²

Hukum Kanun Brunei dipercayai ditulis di zaman pemerintahan Sultan Hassan.²³ Namun ada kemungkinan besar penulisannya telah dimulakan sebelum dari itu tetapi belum ada bukti kukuh mengenainya. Walau bagaimana pun pelaksanaan dan pengamalan Hukum Kanun sudah bermula dari zaman dahulu lagi. Dalam pendahuluan Hukum Kanun Brunei²⁴ menunjukkan ianya sudah diamalkan sejak sebelum Islam lagi. Tetapi setelah agama Islam

JMBRAS, Vol. 41. Part 2, 1968, hlm. 12. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Tarsilah Brunei Sejarah Awal Dan Perkembangan Islam*, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei, hlm. 118

¹⁸ Yura Halim dan Jamil Umar, *Sejarah Brunei*, hlm. 22.

¹⁹ P.L Amin Sweeney, *Silsilah Raja-Raja Berunai*, *JMBRAS*, Vol. 41, Part 2, 1968, hlm. 11.

²⁰ W. H Treacher, “ British Borneo : Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo”, *JMBRAS*, Vol. 20, 1880, hlm. 31.

²¹ *Ibid.*, hlm. 39.

²² Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan Dan Pentadbiran Undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, hlm. 21.

²³ Sultan Brunei ke 9. Memerintah di sekitar tahun 1598-1659 Masehi. Pada masa pemerintahan baginda telah mengamalkan dan melaksanakan beberapa adat istiadat, peraturan-peraturan negara dan Hukum Kanun. Walaupun tidak disebutkan Hukum Kanun itu ditulis pada masa pemerintahan baginda tetapi oleh kerana tulisan tersebut didapati bersama-sama dengan tulisan-tulisan yang ditulis di zaman baginda, besar kemungkinan Kanun di tulis di zaman itu juga. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Di Raja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, hlm. 37.

²⁴ Dalam Pendahuluan Hukum Kanun menyebutkan: “Ada pun diketahui oleh mu akan adat ini turun temurun daripada zaman Sultan Iskandar Zulkarnean datang sekarang. Maka adalah iaitu akan tauladan akan ganti raja pada hal memerintah segala adat terhimpun pada segala menteri”.

berkembang di Brunei, Hukum Kanun itu telah dipinda atau ditambah sesuai dengan kehendak hukum syarak.²⁵

H .R Hughes-Hallet pula berpendapat zaman pemerintahan Sultan Hassan merupakan zaman permulaan kepada pemakaian Undang-Undang Hukum Kanun.²⁶ Kenyataan ini mungkin berdasarkan beberapa faktor; pertama walaupun tidak tercatat tarikh penulisannya tetapi naskah Hukum Kanun didapati di dalam pemerintahan baginda. Kedua; mungkin di zaman baginda berlakunya pengubahsuaian Hukum Kanun yang diamalkan sebelum Islam kepada undang-undang yang berdasarkan hukum syarak.²⁷ Ketiga mungkin di zaman baginda berlakunya penyusunan dan penulisan Hukum Kanun dengan lebih kemas dan teratur.

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar,²⁸ Undang-Undang Hukum Kanun Brunei telah sempurna dilaksanakan dan dikuatkuasakan.²⁹ Sultan Abdul Jalilul Akbar telah berwasiat agar anaknya Sultan Jalilul Jabbar melaksanakan dan menguatkuasakan Undang-Undang Hukum Kanun Brunei dalam menjalankan pentadbiran negara.

Sebagai contoh pelaksanaan Undang-Undang Hukum Kanun Brunei ialah kes curi. Perbuatan ini dilakukan oleh beberapa orang pencuri yang telah berjaya mencuri beberapa jenis barang termasuklah sebuah jam tangan emas dan selaras senapang daripada kapal perang British yang berlabuh di sungai Brunei. Tiga orang yang terlibat dalam kejadian itu telah ditangkap dan dijatuhi hukuman potong tangan.³⁰ Kes lain pula ialah hukuman bunuh³¹ ke atas seorang penjenayah bernama Maidin.³² Kesalahannya ialah melakukan rompakan,

²⁵ Pehin Orang Kaya Amar Di Raja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, hlm. 37.

²⁶ H. R. Hughes-Hallet, *A Sketch of the History of Brunei* *JMBRAS*, Vol. XV111, part 11, 1940, hlm. 31.

²⁷ Hajah Masnon bt. Haji Ibrahim, *Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di Brunei dan Perbandingannya dengan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak*, Tesis MA, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 37.

²⁸ Sultan Brunei ke 10 memerintah di sekitar tahun 1598-1659 Masihi. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei, 1990, hlm. 33.

²⁹ Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan Dan Pentadbiran Undang-undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, hlm. 24.

³⁰ W. H Treacher, "British Borneo : Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo", *JMBRAS* , 1880, Vol. 20, hlm. 40.

³¹ Hukuman bunuh bagi kesalahan itu dijalankan sama ada dengan cara menjerutkan tali ke leher pesalah atau dibunuh dengan menggunakan keris. Lihat Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, hlm. 26.

³² Dia adalah anak kepada salah seorang pembesar Brunei yang disayangi oleh sultan.

rampasan harta benda dan membunuh beberapa orang peniaga yang berulang-alik dari Brunei ke Labuan dan juga sepanjang pantai yang di bawah kuasa takluk Brunei.³³

Berdasarkan keterangan di atas, jelas sebelum kedatangan British, Brunei telah diperintah berdasarkan Undang-Undang Hukum Kanun Brunei yang berasaskan hukum syarak yang telah dikanunkan. Pemakaian dan perlaksanaannya adalah meluas dan menyeluruh.³⁴ Setelah diteliti dan dikaji akan Hukum Kanun Brunei itu dan dibandingkan dengan ajaran Islam, maka didapati bahawa Hukum Kanun Brunei itu sebahagian besarnya berdasarkan ajaran Islam, khasnya dalam perkara perkahwinan dan perceraian, kesalahan jenayah dan mahkamah, demikian juga dalam hal jual beli dan riba. Manakala sebahagian yang lain pula berdasarkan adat, seperti yang dinyatakan dalam mukaddimah Hukum Kanun tersebut, dan adat itu pula mungkin dari India atau ada unsur Hindu.³⁵

3. UNDANG-UNDANG ISLAM SETELAH KEDATANGAN BRITISH KE BRUNEI

Hubungan rasmi kerajaan British dengan Brunei bermula pada tahun 1847 dengan adanya Perjanjian Perdagangan dan Persahabatan.³⁶ Pada tahun 1888 Brunei diisytiharkan sebagai negara-negara naungan British.³⁷ Perjanjian yang terkemudian ini memberikan pentadbiran dalaman kepada sultan. Walau bagaimanapun pada tahun 1905 dan 1906 beberapa perjanjian lagi ditanda tangani yang dinamakan Perjanjian Tambahan, yang mengisytiharkan seorang Residen British. Nasihat Residen perlu diperoleh dalam semua hal kecuali yang berkaitan dengan agama Islam.³⁸ Sistem kerajaan sama seperti yang wujud di negeri-negeri Melayu lain yang di bawah naungan British.³⁹

Sejarah kedatangan British, penerapan Sistem Common Law, Equity dan Status mula mempengaruhi sistem perundangan di Brunei yang disesuaikan dengan keadaan tempatan. Tidak hairanlah kebanyakan undang-undang Brunei sekarang ini masih banyak dipengaruhi oleh undang-undang barat. Ini termasuk undang-undang negara umumnya bahkan dalam Sistem Undang-Undang Diri seperti Undang-Undang Keluarga Islam masih terdapat hukuman

³³ W. H Treacher, "British Borneo : Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo", *JMBRAS*, 1880, Vol. 20, hlm. 41.

³⁴ Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, hlm. 26.

³⁵ Haji Md. Zain Haji Serudin, *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*, hlm. 11.

³⁶ Maxwell, William George and Gibson, William Sumner, *Treaties and Engagements affecting the Malay States and Borneo*, Jas, Truscott and Son Bhd, London, 1924, hlm. 143.

³⁷ *Ibid.*, hlm. 149

³⁸ *Ibid.*, hlm. 151.

³⁹ M.B Hooker, *Islamic Law in South East Asia*, trj. Rohani Abd. Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 201.

dan prosedurnya mengikut sistem perundangan barat.⁴⁰ Penerimaan sistem undang-undang yang berasaskan sistem undang-undang British dan juga penerapan perundangan Islam yang sangat minimum, menyebabkan corak pentadbiran undang-undang untuk orang Islam lebih bersifat derivatif. Dan ini telah pun dibuktikan.⁴¹

Pengubalan Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1 / 1912)⁴² merupakan perundangan moden yang pertama tentang Islam khususnya dalam undang-undang nikah cerai. Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1 / 1912) diluluskan dalam tahun 1911 dan berjalan kuatkuasanya mulai 1hb. Julai, 1912, pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam 11.⁴³ Menurut M.B. Hooker, undang-undang ini mempunyai beberapa titik persamaan dengan undang-undang Islam di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak pada masa itu dengan kandungan yang bercampur aduk antara peraturan hukum syarak dan adat tempatan.⁴⁴

Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1 / 1912) adalah Undang-Undang Diri yang hanya diperuntukkan kepada orang Islam sahaja.⁴⁵ Undang-undang ini mengandungi lapan belas seksyen. Sebahagian besar dari peruntukan undang-undang tersebut mengenai kesalahan-kesalahan agama iaitu kesalahan meninggalkan sembahyang Jumaat,⁴⁶ melarikan anak dara orang,⁴⁷ lari dari kawalan penjaga,⁴⁸ persetubuhan haram,⁴⁹ memutuskan pertunangan,⁵⁰ mengajar agama tanpa kebenaran,⁵¹ meninggalkan suami,⁵² cuai memberi nafkah,⁵³ pelacuran⁵⁴ dan bersekedudukan haram.⁵⁵

⁴⁰ Awang Haji Sawas b. Haji Jebat, *Kesalahan Jenayah Zina Mengikut Akta Majlis Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Brunei Dibandingkan Dengan Undang-Undang Islam*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Undang-Undang, 1992, hlm. 7.

⁴¹ M.B Hooker, *Islamic Law in South East Asia*, trj. Rohani Abd. Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah, hlm. 201.

⁴² Dikenali juga dengan nama Muhammadan Laws (Enactment no. 1 of. 1912). Kemudiannya menjadi Muhammadan Laws, Chapter 31 of Revised Laws 1951.

⁴³ Sultan Brunei ke 26, memerintah Brunei di sekitar tahun 1906-1924. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, hlm. 33.

⁴⁴ M.B Hooker, *Islamic Law in South East Asia*, trj. Rohani Abd. Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah, hlm. 202.

⁴⁵ Muhammadan Laws (Enactment No. 1 of 1912), s. 2.

⁴⁶ *Ibid.*, s. 3.

⁴⁷ *Ibid.*, s. 4.

⁴⁸ *Ibid.*, s. 5.

⁴⁹ *Ibid.*, s. 6-7.

⁵⁰ *Ibid.*, s. 8-9.

⁵¹ *Ibid.*, s. 10.

⁵² *Ibid.*, s. 11.

⁵³ *Ibid.*, s. 12.

⁵⁴ *Ibid.*, s. 13.

⁵⁵ *Ibid.*, s. 14.

Pada tahun 1913 Majlis Mesyuarat⁵⁶ telah meluluskan satu enakmen yang dikenali sebagai Enakmen Perkahwinan Dan Perceraian Islam 1913 (No. 3 / 1913)⁵⁷ dan peruntukannya dikuatkuasakan pada 1 hb. Ogos 1913.⁵⁸ Undang-undang ini memperuntukkan mengenai pendaftaran nikah cerai orang-orang Islam di Brunei. Di bawah peruntukan undang-undang tersebut pentadbiran perkahwinan dan pembubaran perkahwinan orang-orang Islam lebih teratur dari sebelumnya.

Enakmen ini mengandungi 7 seksyen menyentuh mengenai pendaftaran perkahwinan dan perceraian yang berlaku di kalangan orang Islam. Enakmen ini hanya diperuntukkan kepada orang Islam sahaja (seksyen 2).⁵⁹ Segala urusan nikah cerai orang Islam yang dahulunya diselenggarakan di bawah jawatan Tuan Imam telah digantikan kepada jawatan Tuan Kadi. Tujuh hari selepas majlis pernikahan atau perceraian, suami atau wali perempuan hendaklah melaporkan kepada kadi atau naib kadi di daerah masing-masing untuk didaftarkan dan kemudiannya diberi dua sijil nikah atau sijil perceraian untuk simpanan suami dan isteri dengan dikenakan bayaran \$1.00 (satu ringgit).⁶⁰ Mana-mana perceraian yang dirujuk, maka sijil perceraian itu hendaklah diserahkan semula kepada kadi atau naibnya di mana sijil itu dikeluarkan.⁶¹ Jika sekiranya berlaku pelanggaran peruntukan dalam enakmen ini umpamanya enggan mendaftarkan pernikahan dan perceraian, maka di bawah enakmen ini ia boleh didakwa. Jika sabit dihukumkan denda tidak lebih dua puluh lima ringgit.⁶²

Pada tahun 1924, DYMM Sultan Ahmad Tajuddin⁶³ dalam Majlis Mesyuarat telah meluluskan satu undang-undang tambahan⁶⁴ kepada Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1 / 1912).⁶⁵ Walau bagaimanapun undang-undang tambahan ini lebih

⁵⁶ The State of Brunei, Minutes of State Council from 29th June 1907 to 31st. August 1949, hlm. 17.

⁵⁷ Dikenali juga dengan nama The Muhammadan Marriage and Divorce Enactment (No. 3 of 1913), kemudiannya menjadi Mohammadan Marriage and Divorce Enactment, Chapter 77 of Revised Laws 1951.

⁵⁸ Muhammadan Marriage and Divorce Enactment (No. 3 of 1913), s. 1.

⁵⁹ *Ibid.*, s. 2.

⁶⁰ *Ibid.*, s. 3-4.

⁶¹ *Ibid.*, s.5.

⁶² *Ibid.*, s. 6.

⁶³ Sultan Brunei ke 27, memerintah Brunei di sekitar TM 1924-1950. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, hlm. 33.

⁶⁴ Dinamakan Brunei Order in Council 1924, No. 1 of 1924, Additional Muhammadan Laws, Brunei 195/1924.

⁶⁵ Brunei Order in Council 1924 (No. 1 of 1924), Additional Muhammadan Laws, Brunei 195/1924, ruj. BRO no. 441/1934 dan HCO no. 1338/1934.

merupakan tambahan kepada Enakmen Perkahwinan Dan Perceraian (No. 3 / 1913), kerana hampir keseluruhan isi kandungannya berkenaan dengan peraturan nikah cerai dalam Islam.⁶⁶

Memandangkan undang-undang yang ada tidak kemas dan peruntukannya terhadap kepada nikah cerai sahaja, maka dalam tahun 1941, Kadi Besar⁶⁷ mencadangkan satu pindaan terhadap undang-undang Islam supaya meliputi semua bidang yang boleh dikenakan kepada semua orang Islam di negeri ini.⁶⁸ Untuk mencapai tujuan itu Penasihat Jama'ah Syari'ah (Muhammadan Religious Advisers) telah dilantik oleh DYMM Sultan⁶⁹ dalam tahun 1948.⁷⁰ Melalui badan inilah satu cadangan untuk memperkenalkan Undang-Undang Jama'ah Syari'ah dikemukakan.

Kemangkatan DYMM Sultan Ahmad Tajuddin pada 4hb. Jun 1950 tidaklah menjejaskan usaha-usaha ke arah melaksanakan sistem perundangan Islam di negeri ini dengan lebih kemas dan teratur. Usaha baginda diteruskan oleh DYMM Sultan Omar Ali Saifuddien III.⁷¹ Di awal pemerintahan baginda pada tahun 1954, Majlis Mesyuarat Syari'ah telah ditubuhkan dan baginda sendiri menjadi pengerusinya.⁷² Dengan inisiatif baginda dan Majlis Mesyuarat Syari'ah, Jabatan Hal Ehwal Ugama ditubuhkan pada tahun 1954 dan Majlis Ugama Islam pada tahun 1955.⁷³

Pada tahun 1955, Majlis Mesyuarat Negeri telah meluluskan satu undang-undang yang dinamakan Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi,⁷⁴ yang mula berkuatkuasa pada 1hb. Februari 1956.⁷⁵ Undang-Undang Petadbiran Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dijadikan asas bagi undang-undang ini dan diubah suai mengikut keadaan di negeri ini.⁷⁶ Undang-undang ini lebih kemas dan menyeluruh daripada undang-undang sebelumnya.

⁶⁶ Hajah Masnon bt. Hj Ibrahim, *Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di Brunei dan Perbandingannya dengan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak*, Tesis MA, hlm. 55.

⁶⁷ Dilantik sebagai salah seorang ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Lihat *The State of Brunei*, notification no.85 of 1941, rujuk BRO no. 709 / 1938.

⁶⁸ *The State of Brunei*, Minutes on State Council from 29th, June 1907 to 31st. August 1949, hlm. 216.

⁶⁹ DYMM Sultan Ahmad Tajuddin.

⁷⁰ *Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1954-1979*, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, 1981, hlm. 1. Lihat juga *The State of Brunei*, notification no. 26 of 1948, rujuk BRO no. 78/1948.

⁷¹ Sultan Brunei ke 28, menaiki takhta pada 7hb. Jun, 1950, memerintah Brunei disekitar tahun 1950 hingga 1967. Baginda digelar Arkitek Brunei Moden kerana usaha baginda mengenai pembangunan negara Brunei dalam bidang pentadbiran, pendidikan, ekonomi, pembangunan dan keagamaan.

⁷² *Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1954-1979*, hlm. 2.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ Brunei Annual Report 1955, hlm. 126.

⁷⁵ Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (no.20 of 1955), s. 1.

⁷⁶ *Jabatan Hal wal Ugama 1954-1979*, hlm. 4.

Undang-Undang Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1955.⁷⁷ Undang-undang ini membatalkan undang-undang yang ada sebelumnya iaitu Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1 / 1912) dan Enakmen Perkahwinan dan Perceraian Islam 1913 (No.3 / 1913).⁷⁸

Walaupun peruntukan undang-undang ini lebih luas dan menyeluruh dari undang-undang sebelumnya, namun isi kandungannya masih lagi berkisar dalam perkara-perkara yang berhubung dengan Undang-Undang Diri. Kuasa dalam bidang jenayah terhadap kepada kesalahan-kesalahan khalwat, persetubuhan haram dan minum arak yang dibicarakan di Mahkamah Kadi sementara kesalahan-kesalahan membunuh, mencuri dan merogol dibicarakan di bawah kuasa Mahkamah Awam. Peruntukan undang-undang ini hanya berkuatkuasa ke atas orang Islam sahaja. Manakala undang-undang mengenai perkahwinan dan perceraian hanya terpakai kepada orang Islam sahaja dan perkahwinan tersebut hendaklah mengikut hukum syarak.⁷⁹

Pada tahun 1959 Brunei telah mempunyai perlembangan tersendiri. Dalam perlembagaan itu telah memberikan kedudukan istimewa mengenai agama Islam. Perlembagaan ini memperuntukkan seperti berikut:

“The religion of Brunei Darussalam shall be the Muslim Religion according to the Shafei Sect of that religion :

Provided that all other religions may be practised in peace and harmony by the persons professing them in any part of Brunei Darussalam.⁸⁰

The Head of the Religion of Brunei Darussalam shall be His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan.”⁸¹

Dengan termaktubnya agama Islam sebagai agama rasmi negara, syiar agama Islam dapat diperkembangkan dengan seluas-luasnya sehingga agama Islam dapat dihayati dalam pentadbiran dan pembangunan negara.⁸² Al-marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pernah bertitah di Majlis Perasmian Pembukaan Majlis Syari'ah antara lain berbunyi :

⁷⁷ Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (no.20 of 1955), s. 1.

⁷⁸ *Jabatan Hal Ehwal Ugama 1954-1979*, hlm. 4.

⁷⁹ Religious Council and Kathis Court Enactment (no.20 of 1955), s. 134.

⁸⁰ Perlembagaan Brunei 1959, bab. 3 (1).

⁸¹ Perlembagaan Brunei 1959, bab. 3 (2).

⁸² *Al-marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Dalam Kenangan*, Jabatan Penyiaran Dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 1995. hlm. 2.

*“Majlis Syari’ah ini bertujuan ialah mengembangkan dasar-dasar dan ajaran Islam bagi memajukan dan mempertahankan kedaulatan agama Islam yang suci ini. Dengan maksud-maksud yang tersemat di sanubari kita semua, Insya Allah agama Islam akan bertambah-tambah maju, luas dan lebar.”*⁸³

Walaupun kedudukan agama Islam amat jelas dalam Perlembagaan tetapi undang-undang Islam sebagai undang-undang dasar sangat terbatas dan tidak menggambarkan negara yang sebenarnya. Walau bagaimanapun kedudukan Sultan sebagai Ketua Agama tentulah mempunyai perkara-perkara yang khusus dalam Perlembagaan ini seperti syarat perlantikan pegawai kanan yang memerintah iaitu Perdana Menteri, menteri-menteri dan Peguam Negara.⁸⁴ Mereka yang dilantik ke jawatan tersebut mestilah orang yang berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut mazhab Syafi’i Ahli al-Sunnah wa al-Jama’ah.⁸⁵

4. CAMPUR TANGAN BRITISH DALAM PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Dengan termeterainya Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan antara Her Majesty Queen of United Kingdom of Great Britain dengan Sultan Brunei pada 27 Mei 1847 secara langsung mengurangkan bidang kuasa Hukum Kanun Brunei. Artikel Tambahan perjanjian tersebut menyatakan rakyat British yang dituduh melakukan kesalahan jenayah dalam negeri dan kawasan jajahan Brunei serta dalam semua hal di mana terjadinya perbalahan atau perbezaan yang melibatkan rakyat British hendaklah dibicarakan dan dihakimkan oleh English COUNSUL General atau pegawai lain yang dilantik untuk tujuan tersebut oleh Her Britannic Majesty (SOBAR 1946: 78).

Pada Rabu, 29 Rabiulawal 1273/ 26 November 1856 Artikel Tambahan dalam perjanjian 1847M telah dipinda dengan Perjanjian Pembicaraan Jenayah Rakyat British di Borneo dan Penyelesaian Perbalahan yang melibatkan rakyat British. Dalam perjanjian 1856M tersebut menyatakan bahawa, dalam pembicaraan rakyat British yang dituduh melakukan jenayah, seorang pegawai yang dilantik oleh Sultan akan turut menghakimkan pembicaraan tersebut. Sementara dalam masalah penyelesaian perbalahan yang melibatkan rakyat British, seorang pegawai yang dilantik oleh Sultan akan ikut menghakimkan pembicaraan tersebut berlandaskan kepada peraturan yang lazim dipakai di Borneo dengan

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ Pindaan Perlembagaan tahun 1984.

⁸⁵ Perlembagaan Brunei 1959, bab 5.

syarat segala hukuman yang dikenakan tidak boleh melebihi beratnya peraturan yang lazim dipakai oleh pihak British⁸⁶.

Kerajaan British jelas telah menyetujui Hukum Kanun Brunei dalam bidang jenayah yang dilakukan oleh rakyatnya di Brunei. Perjanjian antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British pada 11 Muharam 1306/ 17 September 1888 menjadikan Brunei di bawah naungan British dan berkuasa penuh mengendalikan Mahkamah-mahkamah Keadilan, Civil dan Jenayah yang hanya membabitkan rakyat British dan harta mereka di Negara Brunei. Hak istimewa tersebut juga diberikan kepada rakyat asing yang menerima perlindungan dari kerajaan British. Manakala dalam kes-kes civil yang melibatkan rakyat British atau rakyat asing yang dilindungi British dengan rakyat Brunei, perbicaraan akan dijalankan di mahkamah negara tertuduh. Seorang pegawai yang dilantik oleh kerajaan bagi pihak pendakwa berhak hadir, dan turut serta dalam perbicaraan tetapi tidak berhak bersuara dalam membuat keputusan⁸⁷.

Perjanjian 1888M bidang kuasa Mahkamah Tempatan yang menggunakan Hukum Kanun Brunei telah dihadkan kuasanya. Dengan kata lain sekali lagi Undang-undang Islam telah dikurangkan kuasanya. Pihak British berusaha untuk menguasai sepenuhnya bidang perundangan dan kehakiman di Brunei. Perjanjian 1905M yang telah ditandatangani pada 3 Disember 1905 dan Perjanjian 1906M pada 2 Januari 1906 di antara Great Britain dan Brunei telah membuka luas peluang British untuk terus menyingkirkan Hukum Kanun Brunei. Pihak British tidak hanya menguasai bidang perundangan dan kehakiman bahkan menguasai urusan pemerintahan dan pentadbiran Negeri Brunei. Mereka mengantikan Undang-undang Islam dengan Undang-undang British. Dari perjanjian 1905 dan 1906M, Kerajaan Brunei mestilah menerima dan bertindak mengikut nasihat residen British kecuali yang berkaitan dengan 'agama Islam'. Pada 2 Julai 1906, pihak Kerajaan Brunei telah menghantar satu petition kepada Pesuruhjaya British ke Borneo antara lain menuntut setiap kes yang berkaitan dengan agama Islam akan diadili oleh hakim-hakim tempatan. Permintaan tersebut dipersetujui oleh pihak British tetapi tidak dilaksanakan.⁸⁸ Pada tahun 1907, residen British mewujudkan Majlis Mesyuarat Negeri Brunei di mana Tuan Imam Mahyuddin b. Nakhoda Jambul, seorang Menteri Agama telah dilantik menjadi ahlinya.

⁸⁶ William George Maxwell and William Sumner Gibson, *Treaties and Engagement Affecting The Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son. Ltd. 1925, hlm. 148-149.

⁸⁷ Ibid. hlm. 50

⁸⁸ Ranjit Sing, *Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival*, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm. 112.

Tuan Imam Mahyuddin b. Nakhoda Jambul adalah Menteri Agama pertama menjadi ahli Mesyuarat Negeri Brunei.

Pada tahun 1906 undang-undang penubuhan Mahkamah Sivil dan Jenayah telah diluluskan oleh KDYMM Sultan dalam Majlis Mesyuarat Negeri.⁸⁹ Enakmen ini diperbaharui pada tahun 1908 dikenali dengan nama Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908 (No1/1908) yang memperuntukkan penubuhan mahkamah-mahkamah seperti berikut :

- i) Mahkamah Residen
- ii) Mahkamah Majistret Kelas 1
- iii) Mahkamah Majistret Kelas 11
- iv) Mahkamah Majistret Bumiputera
- v) Mahkamah Kadi.⁹⁰

Penubuhan mahkamah-mahkamah ini dikuatkuasakan melalui pindaan dalam Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1920 (No. 7/ 1920).⁹¹ Bidangkuasa Mahkamah Kadi hanya dibenarkan mentadbir dan melaksanakan undang-undang Islam yang berkaitan dengan perkara-perkara kahwin, cerai dan ibadat sahaja. Mahkamah ini juga hanya diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman yang dendanya tidak lebih dari sepuluh ringgit⁹² dan penjara tidak lebih dari empat belas hari sahaja.⁹³ Dalam kes-kes sivil, Mahkamah Kadi hanya mempunyai bidangkuasa mengenai Undang-Undang Diri sahaja. Sementara dalam kes-kes jenayah ia hanya mempunyai bidangkuasa untuk menjatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada sepuluh ringgit dan penjara tidak lebih dari empat belas hari.⁹⁴ Sebaliknya Mahkamah Sivil mempunyai bidang yang sangat luas dan menyeluruh. Dengan ini bermulalah asas kepada wujudnya dua sistem perundangan dan dua sistem pentadbiran keadilan dan undang-undang.⁹⁵

Menurut Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908 (No.1/1908), Sultan mempunyai kuasa melantik Kadi tetapi perlantikan tersebut hendaklah disahkan oleh Residen British.⁹⁶

⁸⁹ Annual Report On The State of Brunei 1906, hlm. 16.

⁹⁰ Courts Enactment 1908 (No. 1 of 1908), s. 3

⁹¹ Dikenali juga dengan nama Courts Enactment 1920 (No.7 of 1920).

⁹² Courts Enactment 1908 (No. 1 of 1908), s. 13.

⁹³ Annual Report On The State of Brunei 1933, cap. X111.

⁹⁴ Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman, *Perlaksanaan Dan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, hlm. 29.

⁹⁵ Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman, Kearah mengemaskinikan Pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Syari'ah Di Brunei, *Kertas Kerja*, Seminar Sistem Kehakiman Syarak Negara Brunei Darussalam, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam, pada 10-12hb. Jun 1995 M, hlm. 29.

⁹⁶ Courts Enactment 1908 (Enactment No 1 of 1908), s. 12.

Kes-kes rayuan dari Mahkamah Kadi hendaklah dihadapkan kepada Mahkamah Residen atau ke Mahkamah Majistret Kelas 1.⁹⁷ Peruntukan ini telah dibatalkan dengan berkuatkuasanya Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1951 (No. 8/1951).⁹⁸ Menurut peruntukan enakmen ini, semua kes rayuan dari Mahkamah Kadi hendaklah dihadapkan kepada Sultan dalam Majlis Mesyuarat Syari'ah.⁹⁹ Peruntukan ini tidak menghalang Mahkamah Majistret membicarakan kes-kes tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-Undang Islam 1912 (No. 1/1912).

Sistem Mahkamah Brunei dan strukturnya disusun semula di bawah Sarawak, North Borneo and Brunei Courts Order in Council tahun 1951. Mahkamah-Mahkamah Residen dan Rayuan yang ditubuhkan melalui Enakmen Mahkamah-Mahkamah 1908 (No 1/1908) dibatalkan.¹⁰⁰ Susunan mahkamah-mahkamah pada waktu itu ialah :

- i) Mahkamah Agung Sarawak, Borneo Utara dan Brunei yang terdiri daripada Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi.
- ii) Mahkamah Majistret Kelas I
- iii) Mahkamah Majistret Kelas II
- iv) Mahkamah Majistret Kelas III
- v) Mahkamah Kadi.¹⁰¹

Bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Majistret ditentukan mengikut kadar berat ringannya kesalahan dan kadar wang yang terlibat.¹⁰² Manakala sistem dan struktur Mahkamah Kadi sama dengan peruntukan yang dibuat pada tahun 1908.¹⁰³ Kedudukan, struktur dan bidang kuasa Mahkamah Kadi tidak berubah hingga tahun 1956, walaupun Mahkamah-Mahkamah Sivil mengalami perubahan dan kemajuan yang pesat dalam semua aspek.¹⁰⁴

⁹⁷ *Ibid*, s. 22.

⁹⁸ Courts Enactment Chapter 6 of Revised Laws 1951 (Enactment No.8 of 1951).

⁹⁹ *Ibid*, s. 17 -18.

¹⁰⁰ State of Brunei Annual Report 1955, hlm. 127.

¹⁰¹ Lihat Law of Brunei Revised Edition 1951, Cap. 6, Courts.

¹⁰² Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman, Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Brunei, *Kertas Kerja*, Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 23hb.- 24hb. Julai 1996 M, hlm.13.

¹⁰³ Law of Brunei Revised Edition 1951, Cap. 6, Courts, s 1.

4.1 Mahkamah-Mahkamah Kadi

Pada peringkat permulaan Mahkamah Kadi mempunyai taraf yang paling rendah, hanya merupakan sebahagian dari sistem dan struktur pentadbiran Mahkamah Sivil Brunei. Pada tahun 1955, Undang-Undang Majlis Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 (No 20/1955) telah diluluskan. Ekoran dari itu, sistem dan struktur Mahkamah Kadi telah menerima perubahan yang besar. Mahkamah Kadi mempunyai sistem dan struktur pentadbiran tersendiri dan tidak lagi berada di bawah pentadbiran Mahkamah Brunei. Berdasarkan undang-undang tersebut mahkamah telah disusun semula seperti berikut :

- i) Mahkamah-Mahkamah Kadi
- ii) Mahkamah Kadi Besar
- iii) Jawatankuasa Kehakiman

4.2 Mahkamah-Mahkamah Kadi (Mahkamah Kadi Daerah)

Mahkamah-Mahkamah Kadi dikendalikan oleh Kadi Daerah. Mahkamah-Mahkamah Kadi mempunyai empat bahagian iaitu :

- i) Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara
- ii) Mahkamah Kadi Daerah Tutong
- iii) Mahkamah Kadi Daerah Belait
- iv) Mahkamah Kadi Daerah Temburong

Mahkamah-Mahkamah Kadi dan Mahkamah Kadi Besar tidak mempunyai bidangkuasa asal. Ia hanya mempunyai bidangkuasa dalam perkara-perkara yang diperuntukkan kepadanya oleh Undang-undang Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi 1955 (no 20/1955) atau yang diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis lainnya.¹⁰⁵ Setiap daerah mempunyai seorang kadi yang dikenali sebagai Kadi Daerah. Mahkamah-Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa hanya di daerah masing-masing.¹⁰⁶

Kadi Daerah dalam Mahkamah-Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa membicarakan kes-kes jenayah dan mal (sivil). Mahkamah Kadi dalam bidangkuasa jenayah boleh membicara dan menghukum mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam di bawah akta ini. Hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang ini ialah

¹⁰⁴ Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman, Kearah mengemaskinikan Pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Syari'ah Di Brunei, *Kertas Kerja*, hlm. 35.

¹⁰⁵ Undang-undang Najlis Ugama Islam dan Mahkamah-mahkamah Kadi 1955 (no 20/1955) s. 45.

¹⁰⁶ *Ibid.*, s. 46 (2), s. 47 (2)

hukuman penjara tidak melebihi satu bulan atau denda tidak melebihi \$100.00 atau kedua-duanya sekali.¹⁰⁷

Dalam bidangkuasa mal Mahkamah-Mahkamah Kadi mempunyai kuasa membicarakan kes-kes mal. Mahkamah Kadi boleh mendengar dan memutuskan segala perguaman dan perbicaraan mengikut bagaimana kuasa Mahkamah Kadi Besar dengan syarat sesuatu tuntutan atau perkara itu tidak lebih dari \$500.00 atau yang tidak dapat dianggarkan dengan wang.¹⁰⁸

4.3 Mahkamah Kadi Besar

KDYMM Sultan telah memperkenankan penubuhan sebuah Mahkamah Kadi Besar untuk Negara Brunei Darussalam.¹⁰⁹ Mahkamah Kadi Besar mempunyai bidangkuasa di seluruh Negara Brunei Darussalam dan diketuai oleh Kadi Besar atau Timbalan Kadi Besar.¹¹⁰

Mahkamah Kadi Besar dalam bidangkuasa jenayah dan mal, membicarakan dan menghukum mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam di bawah peruntukan akta ini. Mahkamah Kadi Besar dalam bidangkuasanya boleh menghukum kesalahan jenayah yang melibatkan hukuman penjara melebihi sebulan atau denda yang melebihi \$100.00 atau kedua-duanya sekali. Manakala bidang kuasa mal Mahkamah Kadi Besar ialah dalam membicarakan dan menetapkan jumlah atau harga sesuatu perkara yang melebihi \$500.00 atau tidak boleh dianggarkan dengan wang.

Dalam bidangkuasa jenayahnya Mahkamah Kadi Besar boleh membicarakan dan menghukum mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam di bawah undang-undang ini. Mahkamah boleh mengenakan sebarang hukuman yang dipersyaratkan.¹¹¹ Manakala Mahkamah Kadi Besar dalam bidangkuasa mal boleh membicarakan dan menetapkan semua tindakan dan perbicaraan ke atas orang Islam. Bidangkuasa Mahkamah Kadi Besar dalam membicarakan perkara yang berhubung dengan Undang-Undang Keluarga Islam di antaranya adalah seperti berikut ;

- “i) Pertunangan, pernikahan, perceraian, permansuhan pernikahan dan perceraian menurut perintah mahkamah ;

¹⁰⁷ *Ibid*, s. 48 (2)(a)

¹⁰⁸ *Ibid*, s. 48 (2)(b)

¹⁰⁹ *Ibid*, s. 46 (1)

¹¹⁰ *Ibid*, s. 47 (2)

¹¹¹ *Ibid*, s. 48 (1) (a).

- ii) Sebarang penyelesaian, atau tuntutan kepada harta benda yang terbit dari mana-mana hal yang dibentangkan dalam perenggan kecil (i) ;
- iii) Nafkah orang-orang dalam tanggungan, taraf anak, penjagaan atau jagaan kanak-kanak ;
- iv) pembahagian, atau tuntutan kepada harta benda sepencarian.
- v) Menentukan orang-orang yang berhak kepada bahagian di dalam pesaka seorang mati telah memeluk ugama Islam atau di atas bahagian yang orang-orang itu berhak masing-masing kepadanya,
- vi) Wasiat-wasiat atau pemberian-pemberian seorang si mati yang hendak memeluk ugama Islam pada hendak mati,
- vii) Pemberian-pemberian hidup atau penyelesaian yang diperbuat dengan tidak ada bayaran wang tunai atau benda yang berharga serupa dengan wang tunai oleh seorang yang beragama Islam,
- viii) Wakaf atau nazr atau
- ix) Lain-lain perkara yang diberikan kuasa kepadanya oleh mana-mana undang-undang yang bertulis.”¹¹²

Tanpa menghiraukan perenggan kecil (iii) dari perenggan (b) cerai (i) ¹¹³ Mahkamah Kadi Besar dalam bidang kuasa malnya boleh mendengar dan menentukan semua tindakan dan perbicaraan dalam mana salah satu pihak menganut agama Islam yang berhubung dengan penjagaan anak-anak damit. ¹¹⁴

4.4 Jawatankuasa Kehakiman

Jawatankuasa Kehakiman ditubuhkan berdasarkan kehendak seksyen 44, Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Mahkamah Kadi 1955(no 20/1955) dan bertindak sebagai Mahkamah Rayuan. Jawatankuasa ini terdiri daripada beberapa anggota yang dipengerusikan oleh seorang Mufti dan dua orang ahli biasa serta beberapa orang ahli tambahan.

Setiap rayuan dari Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi, hendaklah dikemukakan kepada KDYMM Sultan dalam Majlis Mesyuarat Ugama. Walaupun rayuan dikemukakan kepada baginda, baginda tidaklah semestinya mendengar sendiri perbicaraan rayuan itu. Baginda sebaliknya berhak memerintahkan agar perbicaraan didengar oleh Jawatankuasa Kehakiman. Walaupun Jawatankuasa ini, atas perintah baginda boleh

¹¹² *Ibid*, s. 48 (1) (b) (i) (ii) (iii) (iv) (v)(vi)(vii)(viii)(ix).

¹¹³ *Ibid.*, s. 48 (1) (b) (iii) menyebutkan ; Nafkah orang-orang dalam tanggungan, taraf anak, penjagaan atau jagaan kanak-kanak.

¹¹⁴ *Ibid*, s. 48 (1 A). Anak-anak damit bermaksud bayi atau kanak-kanak yang belum *mumayyiz*.

mendengar kes-kes ulang bicara, namun keputusan muktamadnya adalah terserah kepada baginda untuk menentukannya.¹¹⁵

Jawatankuasa Kehakiman dalam bidangkuasa jenayahnya boleh mendengar kes-kes rayuan yang melibatkan kesalahan yang dikenakan hukuman penjara atau didenda tidak kurang daripada \$25.00 atau kedua-duanya sekali.¹¹⁶ Sementara dalam bidang bidangkuasa malnya Jawatankuasa Kehakiman boleh membicarakan perkara-perkara seperti berikut ;¹¹⁷

“ i) Oleh mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keratan itu jika jumlah wang di dalam perkara yang diminta mengulang bicara itu tidak kurang daripada \$100.00 ;

ii) daripada mana-mana seorang yang tidak puas hati dengan keratan itu bersabit dengan perkara yang mengenai taraf dirinya ;

iii) di dalam semua perkara bersabit dengan nafkah orang-orang dalam tanggungannya, oleh mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keratan itu ;

Dengan syarat bahawa tidak ada rayuan sedemikian dilakukan terhadap keputusan yang dibuat secara persetujuan. ”

Bidangkuasa amat terbatas dan terhad bagi Mahkamah Kadi Besar, Mahkamah-mahkamah Kadi Daerah dan ulang bicara oleh Jawatan Kuasa Kehakiman. Mahkamah-mahkamah tersebut hanya berkuasa membicarakan perkara-perkara yang bersangkutan dengan Undang-undang Diri dan hukuman berdasarkan takzir iaitu hukuman yang berbentuk denda dan penjara. Undang-undang yang diguna pakai hanya berkuatkuasa ke atas orang Islam sahaja.

5. KESIMPULAN

¹¹⁵ *Ibid* , s. 49 (1) .

¹¹⁶ *Ibid* , s. 49 (1) (a).

¹¹⁷ *Ibid* , s. 49 (1) (b) (i) (ii) (iii).

Peringkat awal perkembangan iaitu sebelum campur tangan pemerintahan kolonial Inggeris, undang-undang Islam telah menjadi sumber tenaga penggerak utama di dalam pembentukan masyarakat yang unik. Pelaksanaan undang-undang Islam juga telah mendapat pengiktirafan.¹¹⁸ Sebagai bukti pemakaian Hukum Kanun Brunei berasaskan hukum syarak oleh Sultan Hassan dan sultan-sultan selepasnya.

Undang-undang Islam telah dilaksanakan dengan meluasnya di Negara Brunei Darussalam, ia menjadi dasar dan asas negara ini sehingga kedatangan dan campur tangan British. Campur tangan secara langsung dan meluas dalam perundangan dan pentadbiran agama Islam di Brunei bermula tahun 1906 iaitu apabila Brunei secara resmi menerima Residen British. British berjaya menyempitkan dan seterusnya mengeneipkan pemakaian undang-undang Islam yang luas dan menyeluruh kepada pemakaian dalam bidang yang sempit dan terhad hanya bersangkutan paut dengan Undang-Undang Diri sahaja. Undang-undang yang ada hanya diguna pakai ke atas orang Islam sahaja dan hukuman ke atas sesuatu kesalahan sama ada jenayah atau mal dihukum berdasarkan takzir. Walau bagaimanapun tidak dinafikan adanya campur tangan British dalam sistem pentadbiran undang-undang Islam telah membawa perubahan kepada sistem pentadbiran undang-undang yang lebih cemas dan teratur dari sebelumnya.

BIBLIOGARPY

Al-marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Dalam Kenangan 1995, Jabatan Penyiaran Dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Ahmad Ibrahim & Dr. Mahmud Saedon Awang Toman 1988, *Ke arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur.

Awang Haji Sawas b. Haji Jebat 1992, *Kesalahan Jenayah Zina Mengikut Akta Majlis Ugama Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Brunei Dibandingkan Dengan Undang-Undang Islam*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Fakulti Undang-Undang.

Annual Report On The State of Brunei 1906.

¹¹⁸ Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 32.

Annual Report On The State of Brunei 1933, cap. X111.

Brunei Annual Report 1955.

Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman 23-24 hb. July 1996, Pentadbiran Undang-Undang Islam di Brunei, *Kertas Kerja*, Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam, IKIM.

Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman 1986, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan* Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman 10-12hb. Jun 1995, Kearah mengemaskinikan Pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Syari'ah Di Brunei, *Kertas Kerja*, Seminar Sistem Kehakiman Syarak Negara Brunei Darussalam, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.

H. R. Hughes-Hallet 1940, A Sketch of the History of Brunei *JMBRAS*, Vol. XV111, part 11.

Hajah Masnon bt. Haji Ibrahim 1988, *Perlaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di Brunei dan Perbandingannya dengan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak*, Tesis MA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hamid Jusoh 1992, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi Dalam Undang-undang Keluarga*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1954-1979, 1981 Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Maxwell, William George and Gibson, William Sumner 1924, *Treaties and Engagements affecting the Malay States and Borneo*, Jas, Truscott and Son Bhd, London.

M.B Hooker 1991, *Islamic Law in South East Asia*, trj. Rohani Abd. Rahim, Raja Rohana Raja Mamat & Anisah Che Ngah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman 23hb.- 24hb. Julai 1996 Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Brunei, *Kertas Kerja*, Seminar Antarabangsa Pentadbiran Undang-Undang Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM),

P.M Yusof , Mac 1958, *Adat Istiadat Di-Raja Brunei (Darussalam)*, tanpa penerbit.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri 1973, *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Tarsilah Brunei Sejarah Awal Dan Perkembangan Islam*, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei.

P.L Amin Sweeney 1968, *Silsilah Raja-Raja Berunai*, *JMBRAS*, Vol. 41, Part 2.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri 1990, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei.

Ranjit Sing 1984: 112; Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival, Singapore: Oxford University Press

Sultan Brunei yang ke 6. Memerintah di sekitar tahun 1524-1530 Masehi. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*.

Siti Zaliha Haji Abu Salim, Perkembangan Undang-Undang Di Brunei Sebelum Bermulanya Sistem Pemerintahan Beresiden, *Jurnal Beriga*, April-Jun 1995, Bil. 47.

The State of Brunei, Minutes of State Council from 29th June 1907 to 31st. August 1949.

The State of Brunei, Minutes on State Council from 29th, June 1907 to 31st. August 1949 .

William George Maxwell and William Sumner Gibson 1925, *Treaties and Engagement Affecting The Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son. Ltd.

W. H Treacher 1880, “ British Borneo : Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo”, *JMBRAS*, Vol. 20.

Yura Halim dan Jamil Umar 1958, *Sejarah Brunei*, Percetakan Brunei, Brunei.

Senarai Statut:

Brunei Order in Council 1924 (No. 1 of 1924), Additional Muhammadan Laws, Brunei 195/1924, ruj. BRO no. 441/1934 dan HCO no. 1338/1934.

Courts Enactment 1908 (No. 1 of 1908).

Law of Brunei Revised Edition 1951, Cap. 6, Courts.

Muhammadan Laws (Enactment No. 1 of 1912).

Muhammadan Marriage and Divorce Enactment (No. 3 of 1913)

Perlembagaan Brunei 1959.

Pindaan Perlembagaan tahun 1984.

Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (no.20 of 1955).

Religious Council and Kadis Courts Act, Chapter 77 of The Laws of Brunei Darussalam.